

Bil. S 53

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENYIASATAN) (HARTA YANG HILANG ATAU ROSAK), 2004**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Tafsiran.
 3. Bentuk penyiasatan.
-

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENYIASATAN) (HARTA YANG HILANG ATAU ROSAK), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 208 dari Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Penyiasatan) (Harta Yang Hilang atau Rosak), 2004.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, "pihak berkuasa yang layak" bermakna mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk bertindak bagi maksud bab-bab 132 dan 134 dari Akta itu.

Bentuk penyiasatan.

3. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), sesuatu penyiasatan bagi maksud-maksud cerai (1) bab 132 atau bab 133 dari Akta itu mengenai sebab sebarang kehilangan, atau kerosakan kepada, harta awam atau tentera adalah —

(a) lembaga penyelidikan yang diadakan di bawah bab 122 dari Akta itu; atau

(b) pemeriksaan keterangan oleh pihak berkuasa yang layak, sama ada secara lisan atau bertulis, berhubung dengan sebab kehilangan atau kerosakan tersebut.

(2) Jika semasa menjalankan pemeriksaan keterangan di bawah perenggan (b) peraturan kecil (1), pada pendapat pihak berkuasa yang layak bahawa seseorang itu mungkin bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan tersebut, dia hendaklah diberikan peluang untuk membuat suatu pernyataan, jika dia berkehendakkan demikian, untuk pertimbangan pihak berkuasa yang layak:

Dengan syarat bahawa jika, dalam perbicaraan di hadapan mahkamah tentera atau pihak berkuasa atasan yang berkenaan, seseorang itu telah disabitkan

kesalahan dalam hal keadaan yang melibatkan suatu keputusan bahawa dia bersalah atas apa jua perbuatan salah atau kecuaiian yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan tersebut, dia tidaklah boleh diberikan peluang untuk membuat sebarang pernyataan tersebut.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 1 haribulan September, 2004.

DENGAN TITAH PERINTAH
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri.